



SEBUT HARGA PEROLEHAN KERJA-KERJA PERPINDAHAN DAN PENGUBAHSUAIAN DALAMAN PEJABAT PTPTN CAWANGAN BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG

1. KENYATAAN AM / TAWARAN

- 1.1 Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB, mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) untuk **Sebut Harga Perolehan Kerja - Kerja Perpindahan Dan Pengubahsuaian Dalaman Pejabat PTPTN Cawangan Bukit Mertajam, Pulau Pinang** dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk Sebut Harga berikut:-

Tajuk	Kategori	Kod Bidang	No. Dokumen	Tarikh Buka Sebut Harga	Tarikh Tutup Sebut Harga	Harga Dokumen Sebut Harga
Sebut Harga Perolehan Kerja-Kerja Perpindahan Dan Pengubahsuaian Dalaman Pejabat PTPTN Cawangan Bukit Mertajam, Pulau Pinang	<u>CIDB / PPK / SPKK</u>	<u>Kelas G1</u> Kategori: B Pengkhususan: B28 Daerah: Seberang Perai Tengah	PTPTN/ 2019/SH07	13 Mei 2019 (Isnin)	23 Mei 2019 (Khamis) sebelum jam 12.00 tengah hari	RM50.00 *Dokumen Sebut Harga akan mula dijual selepas taklimat Sebut Harga

- Taklimat dan lawatan tapak berkaitan sebut harga akan diadakan pada 15 Mei 2019 (Rabu), jam 11.00 pagi bertempat di No.5, Ground And Mezzanine Floor, Persiaran Seri Impian, Pusat Perniagaan Mahkota Impian, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang. (WAJIB HADIR)

- 1.2 **Taklimat berkaitan Sebut Harga adalah WAJIB dihadiri** oleh semua penyebut harga yang berminat. Kegagalan menghadiri taklimat seperti yang ditetapkan akan menyebabkan penyebut harga tidak layak dipertimbangkan menyertai sebut harga ini.
- 1.3 Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB), Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Salinan Sijil Pendaftaran SST (sekiranya ada) hendaklah dikemukakan semasa membeli dokumen. Sila pastikan tarikh sah laku sijil-sijil tersebut masih belum tamat.
- 1.4 Bayaran Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dengan Wang Pos / Wang Kiriman Pos / Bank Draf yang dibuat atas nama Ketua Eksekutif, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Bayaran ini tidak akan dikembalikan. Hanya penama di dalam sijil sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak / taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil.
- 1.5 Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi daripada urus setia semasa lawatan tapak / taklimat diadakan.
- 1.6 Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **Bahagian Perolehan, Aset Dan Stor, Tingkat 13A, Menara PTPTN, Blok D, Megan Avenue II, No.12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.**
- 1.7 Sebut Harga yang lewat dihantar tidak akan diterima / dilayan. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada Sebut Harga yang dihantar.
- 1.8 Semua keterangan mengenai Sebut Harga ini atau butir-butir lengkap mengenai syarat-syarat dan penentuan kerja perlu dikemukakan bersama-sama dokumen ini.
- 1.9 **Tawaran akan ditolak sekiranya gagal memenuhi mana-mana syarat dalam dokumen Sebut Harga.**
- 1.10 Pemilihan syarikat akan dibuat berdasarkan kebolehan dalam **memenuhi skop kerja dan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan serta anggaran kos yang ditawarkan** oleh penyebut harga dan hanya penyebut harga yang berjaya akan dihubungi.
- 1.11 Pihak PTPTN berhak menamatkan kerja yang diberikan oleh syarikat pada bila-bila masa sekiranya :
 - a) Tidak mematuhi skop kerja;

- b) Tidak memenuhi kriteria yang telah dipersetujui;
- c) Tidak mengikuti spesifikasi yang ditetapkan.

1.12 Semua pertanyaan atau penjelasan boleh berhubung dengan pegawai-pegawai berikut :

Bahagian Perolehan

- i. Puan Che Anishah Binti Aziz Tel: 03.2193.1002
- ii. Encik Amir Azham Bin Yunus Tel: 03.2193.1580
- iii. Encik Mohamad Faizal Bin Alias Tel: 03.2193.1349

Bahagian Khidmat Pengurusan

- i. Encik Mohd Nasdi Bin Che Hassan Tel: 03.2193.1459
- ii. Cik Shahidatul Akmal Binti Yacob Tel: 03.2193.1440

**Bahagian Perolehan, Aset dan Stor,
Tingkat 13A, Menara PTPTN, Blok D, Megan Avenue II,
No.12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.**